Ayanaro a/l Siwasamy lwn Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN SIVIL NO PA-16-9–10 TAHUN 2021
AZIZAN MD ARSHAD PK
30 JUN 2022

Undang-Undang Buruh — Keselamatan sosial — Kemalangan semasa dalam perjalanan — Perayu ingin singgah ke rumahnya untuk menyalin pakaian kerja semasa dalam perjalanan daripada hospital ke tempat kerjanya — Sama ada kemalangan yang menimpa perayu adalah bencana kerja di bawah s 24(1)(a) dan (b) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 — Sama ada perayu dalam perjalanan ke tempat kerja — Sama ada tindakan perayu singgah ke rumahnya dalam perjalanan ke tempat kerja untuk mengambil baju kerja merupakan 'langsung berkaitan dengan penggajiannya' — Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ss 2(6), 24(1)(a) & (b)

Perayu dalam kes ini bekerja sebagai seorang buruh di KRR Recycling manakala responden adalah Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial. Semasa perayu dalam perjalanannya daripada hospital ke tempat kerjanya, perayu ingin singgah ke rumahnya untuk menyalin pakaian kerja, namun, perayu telah terlibat dengan kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kecederaan yang agak teruk ke atas perayu. Perayu telah memohon kepada responden untuk faedah hilang upaya namun permohonan tersebut telah ditolak atas alasan bahawa kemalangan tersebut tidak terjumlah kepada 'satu bencana kerja' di bawah takrifan s 2(6) dibaca bersama s 24(1) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ('AKSP'). Perayu kemudiannya memfailkan rayuan kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial ('JRKS') namun rayuan perayu telah ditolak atas alasan yang sama. Tidak berpuas hati dengan keputusan responden dan JRKS, perayu telah memfailkan rayuan semasa. Isu yang timbul adalah sama ada kemalangan yang menimpa perayu ketika dalam perjalanan dari hospital untuk balik ke rumahnya boleh dikatakan sebagai bencana kerja di bawah s 24(1)(a) dan (b) AKSP.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos RM2,000 dibayar kepada perayu tertakluk kepada alokatur:

(1) Berdasarkan fakta, ketika kemalangan tersebut berlaku, perayu bukan daripada tempat kerja ke rumah atau rumah ke tempat kerja, tetapi perjalanan perayu adalah daripada hospital dan pada ketika itu juga, perayu belum menjalankan tugasnya lagi. Namun, memandangkan ketika itu majikannya telah mengesahkan bahawa dia dibenarkan untuk

bercuti separuh hari, maka tidak timbul isu dia tidak dilindungi. Dalam kes ini, ternyata bahawa perayu semasa kemalangan adalah dalam perjalanan ke tempat kerja (lihat perenggan 17).

(2) Berdasarkan fakta, yang perlu dilihat adalah sama ada, tindakan singgah di rumah dalam perjalanan ke tempat kerja untuk mengambil baju kerja merupakan 'langsung berkaitan dengan penggajiannya'. Mahkamah juga harus menilai sama ada 'interruption/deviation' tersebut merupakan 'reasonable interruption/deviation'. Dalam kes ini 'reasonable interruption/deviation' yang berlaku adalah kerana perayu perlu singgah bagi mendapatkan pakaian kerjanya. Dalam hal ini, mahkamah boleh mengambil maklum bahawa memandangkan perayu bekerja sebagai buruh sudah tentu terdapat pakaian khas yag disediakan oleh majikannya. Berdasarkan keputusan-keputusan kes sedia ada, s 24(1)(b) AKSP dengan jelas memberikan kuasa budibicara kepada mahkamah untuk memutuskan sesuatu kes berdasarkan 'fakta kes itu sendiri'. Mahkamah bersetuju bahawa, berdasarkan fakta kes, s 24(1)(b) AKSP adalah terpakai (lihat perenggan 18–19 & 25).

(3) Mahkamah bersetuju dengan kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Tham Tian Siong* [2008] 7 MLJ 854 yang memutuskan bahawa AKSP terutamanya bertujuan untuk melindungi pekerja-pekerja dan untuk menyediakan kepada mereka faedah-faedah yang termasuk dalam skim insurans mereka. Akta Keselamantan Sosial Pekerja 1969 ('AKSP') adalah undang-undang sosial yang harus ditafsir secara liberal dan dalam kebanyakan kes ia berpihak kepada benefisiari, dengan syarat tidak ada pencabulan peruntukan-peruntukannya. Dalam kes ini, hanya terdapat percanggahan fakta yang biasa seperti sama ada pada masa kejadian perayu sebenarnya 'melawat atau menghantar isteri ke hospital, sama ada perayu hendak mengambil baju atau menukar baju' di mana percanggahan ini tidak menjejaskan fakta utama iaitu ketika kemalangan berlaku perayu berniat untuk singgah di rumahnya bagi mendapatkan pakaian kerja sebelum ke tempat kerjanya dan tidak wujud apa-apa penipuan fakta oleh perayu (lihat perenggan 21 & 23).

(4) Mahkamah hanya menyentuh s 24(1)(a) dan (b) AKSP sahaja kerana tiada keperluan untuk perayu membuktikan kesemua elemen di bawah s 24(1) AKSP tersebut kerana ianya dibaca secara berasingan. Berdasarkan kepada alasan keputusan oleh JRKS, JRKS tidak menyatakan secara khusus sama ada penolakan rayuan perayu adalah di bawah s 24(1)(a) atau (b) AKSP. Adalah wajar JRKS untuk menyatakan dengan jelas di bawah peruntukan manakah ianya ditolak. Ini adalah penting kerana pembuktian di bawah s 24(1) AKSP adalah berdiri secara berasingan (lihat perenggan 26–27).

[English summary

The appellant in this case worked as a laborer at KRR Recycling while the respondent was the Director General of the Social Security Organisation. While the appellant was on his way from the hospital to his workplace, the appellant wanted to stop by his house to change into his workwear, however, the appellant was involved in a road accident which resulted in quite serious injuries to the appellant. The appellant applied to the respondent for disability benefits, but the application was dismissed on the grounds that the accident did not amount to 'employment injury' under the definition of s 2(6) read together with s 24(1) of the Employees' Social Security Act 1969 ('the ESSA'). The appellant then filed an appeal to the Social Security Appellate Board ('SSAB'), but the appellant's appeal was dismissed on the same grounds. Dissatisfied with the decision of the respondent and SSAB, the appellant had filed the present appeal. The issue that arose was whether the accident that befell the appellant while he was travelling from the hospital to return to his home could be said to be an employment injury under s 24(1)(a) and (b) of the ESSA.

Held, allowing the appeal with costs of RM2,000 to the appellant subject to allocator:

(1) Based on the facts, when the accident occurred, the appellant was not from workplace to home or home to workplace, but the appellant's journey was from the hospital and at that time, the appellant had not yet performed his duties. However, since at that time his employer had confirmed that he was allowed to take half a day off, the issue of him not being protected did not arise. In this case, it appeared that the appellant at the time of the accident was on his way to his workplace (see para 17).

(2) Based on the facts, what needed to be seen was whether the act of stopping at home on the way to workplace to pick up a workwear was 'directly connected to his employment'. The court should also assess whether the 'interruption/deviation' was a 'reasonable interruption/deviation'. In this case the 'reasonable interruption/deviation' that occurred was because the appellant had to stop by to get his workwear. In this regard, the court could take note that since the appellant worked as a laborer there was of course special clothing provided by his employer. Based on existing case authorities, s 24(1)(b) of the ESSA clearly gave discretionary power to the court to decide a case based on the 'facts of the case itself'. The court agreed that, based on the facts of the case, s 24(1)(b) of the ESSA was applicable (see paras 18–19 & 25).

(3) The court agreed with the case of *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Tham Tian Siong* [2008] 7 MLJ 854 which decided that ESSA was primarily intended to protect employees and to provide them with the benefits which were included in their insurance scheme.

The ESSA was a social legislation that should be interpreted liberally, and, in most cases, it favored the beneficiary, provided there was no violation of its provisions. In this case, there were only common factual discrepancies such as whether at the time of the incident the appellant was actually 'visiting or sending his wife to the hospital, whether the appellant wanted to take a shirt or change his shirt' where these discrepancies did not affect the main fact which was when the accident occurred the appellant intended to stop by at his house to get his workwear before going to his workplace and there was no fraud of fact by the appellant (see paras 21 & 23).

(4) The court had only discussed s 24(1)(a) and (b) of the ESSA because there was no requirement for the appellant to prove all the elements under s 24(1) of the ESSA because they were read disjunctively. Based on the reasons for the decision by the SSAB, they did not specifically state whether the dismissal of the appellant's appeal was under s 24(1)(a) or (b) of the ESSA. The SSAB ought to clearly state under which provision the appeal was dismissed. This was important because the proof under s 24(1) of the ESSA ought to be made disjunctively (see paras 26–27).]

Kes-kes yang dirujuk

All Malayan Estates Staff Union v Rajasegaran & Ors [2006] 6 MLJ 97, MP (dirujuk)

Golden Hope Plantations (Peninsular) Sdn Bhd (Ladang Sungei Senarut) v Saraswathy a/p Kathan [2009] 1 MLJ 611; [2009] 3 CLJ 335 ; [2008] 1 LNS 478, MR (dirujuk)

Johari bin Saimon lwn Ketua Pengarah Perkeso [2007] MLJU 786; [2007] 1 LNS 613, MT (dirujuk)

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Jusoh bin Abu Bakar [2002] 7 MLJ 17; [2003] 1 CLJ 383, MT (dibeza)

Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial v Mohd Zaili bin Ali [2004] 1 MLJ 283; [2003] 4 CLJ 165, MT (diikut)

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Rajaparameswari a/p Marimuthu [2004] MLJU 494; [2004] 4 CLJ 528, MT (dibeza)

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial lwn Leong Ah Lee [2019] 1 LNS 367, MT (diikut)

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Tham Tian Siong [2008] 7 MLJ 854, MT (diikut)

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Vadivelan a/l Sandara Saigara [2009] 1 MLJ 238; [2008] 9 CLJ 429, MT (diikut)

Kuppusamy v Golden Hope Rubber Estate Ltd [1965] 1 MLJ 178, MP (dirujuk)

Wong Yew Loy v Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial [2009] MLJU 1264; [2010] 5 CLJ 467, MT (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ss 2(6), 24, 24(1), (1)(a), (1)(b), (2), 91(2)

Tharumarajah a/l Thiagarajan (T Tharuma & Assoc) bagi pihak perayu.
Muhammad Suhaib bin Ibrahim (Skrine) bagi pihak responden.

Azizan Md Arshad PK:

PENGENALAN

[1] Ini merupakan rayuan terhadap keputusan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial ('JRKS') bertarikh 9 April 2021 yang telah menolak rayuan perayu dan memutuskan bahawa kemalangan motosikal yang berlaku pada 3 Februari 2022 tidak terjumlah kepada bencana kerja di bawah s 2(6) dibaca bersama s 24(1) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ('AKSP 1969').

[2] Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan JRKS bertarikh 9 April 2022 tersebut telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi di bawah s 91(2) AKSP 1969.

[3] Setelah meneliti dan mendengar hujahan serta dokumen rekod rayuan, mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu pada 25 May 2022 dengan kos RM2,000 tertakluk kepada alokatur. Pihak-pihak dirujuk sebagaimana semasa di Mahkamah Tinggi dalam penghakiman ini.

FAKTA RINGKAS

[4] Adalah fakta yang tidak dipertikaikan bahawa perayu adalah seorang 'orang berinsurans' di dalam lingkungan maksud AKSP 1969. Perayu bekerja sebagai seorang 'Buruh' di KRR Recycling.

[5] Pada 3 Februari 2020 pada kira-kira jam 1 petang, perayu ditimpa kemalangan jalanraya ketika dalam perjalanan dari hospital ke rumah selepas melawat isteri beliau di Hospital Parit Buntar. Semasa dalam perjalanan hendak ke tempat kerja, perayu berniat singgah di rumah beliau untuk menyalin pakaian kerja sebelum ke tempat kerja pada waktu petang. Pada hari kemalangan, beliau telah diberikan cuti separuh hari oleh majikan beliau.

[6] Kemalangan tersebut telah menyebabkan kecederaan patah kaki kiri, patah ibu jari kaki kiri, patah tulang punggung, luka serta bengkak di peha kanan dan luka di kedua-dua belah tangan. Akibat daripada kemalangan tersebut, perayu telah memfailkan permohonan untuk faedah hilang upaya.

A Ianya telah ditolak oleh responden. Ini adalah kerana responden memutuskan kemalangan tersebut tidak terjumlah kepada 'satu bencana kerja' di bawah takrifan s 2(6) dibaca bersama s 24(1) AKSP 1969.

B [7] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan rayuan ke JRKS. Pada 9 April 2022 juga JRKS telah menolak rayuan perayu tersebut atas alasan yang sama. Seterusnya rayuan kepada mahkamah ini difailkan oleh perayu.

C ISU DI HADAPAN MAHKAMAH

[8] Pihak-pihak telah mengemukakan dan berhujah atas isu perundangan selaras dengan s 91(2) AKSP 1969 iaitu isu:

D > Sama ada kemalangan yang menimpa Perayu pada 3.02. 2020 ketika dalam perjalanan dari hospital untuk balik ke rumah boleh dikatakan sebagai bencana kerja di bawah Seksyen 24(1) AKSP 1969 ataupun tidak?

RUJUKAN UNDANG-UNDANG

E **[9]** Undang-undang yang relevan dalam perbincangan kes ini adalah:

(a) s 2(6) AKSP 1969 bencana kerja:

> Bencana pada seorang pekerja sendiri disebabkan oleh kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya dalam sesuatu perusahaan yang terhadapnya Akta ini terpakai.

F

(b) s 24 AKSP 1969:

> (1) Sesuatu kemalangan yang berlaku kepada seseorang orang berinsurans hendaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya jika kemalangan itu berlaku semasa orang berinsurans itu —
>
> (a) dalam perjalanan mengikut laluan di antara tempat kediamannya atau tempat tinggalnya dengan tempat kerjanya;
>
> (b) dalam perjalanan yang dibuat bagi apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan penggajiannya; atau
>
> (c) dalam perjalanan di antara tempat kerjanya dengan tempat dia pergi makan dalam masa rehat yang dibenarkan.
>
> (2) Jika kemalangan di bawah subseksyen (1) berlaku dalam masa apa-apa perhentian, atau apa-apa lencongan, perjalanan orang berinsurans itu yang dibuat bagi mana-mana maksud yang dinyatakan dalam subseksyen yang sama, kemalangan itu tidaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya.

G

H

I

ANALISA KES

[10] Mahkamah ini mengkaji fakta kes ini dengan merujuk kepada s 24(1) AKSP 1969.

Sama ada perjalanan perayu tidak termaktub di bawah s 24(1)(a) AKSP 1969

[11] Responden berhujah bahawa perjalanan perayu sememangnya tidak termaktub di bawah mana-mana peruntukan s 24(1)(a) AKSP 1969 kerana perjalanan perayu dari hospital ke rumahnya tidak termaktub di bawah s 24(1)(a) AKSP 1969 memandangkan perayu bukan dalam perjalanan dari tempat kediaman atau tempat tinggal perayu ke tempat kerja kerana kemalangan berlaku di laluan jalan di antara hospital dan rumah perayu. Responden telah merujuk kepada kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial lwn Leong Ah Lee* [2019] 1 LNS 367, di mana dalam kes tersebut, orang berinsurans juga telah terlibat dalam satu kemalangan semasa dalam perjalanan dari pasar ke rumah untuk menghantar barang dan mengambil beg kerja sebelum ke tempat kerja. Dalam memutuskan bahawa ia bukan satu kes bencana kerja Mahkamah Tinggi telah menyimpulkan bahawa:

> [12] Berdasarkan kepada peruntukan s 24(1)(a) Akta tersebut, ianya bermakna responden hanya berhak kepada tuntutan faedah hilang upaya sementara jika kemalangan tersebut berlaku semasa responden dalam perjalanan kerja dari tempat kediamannya atau tempat tinggalnya.
>
> [13] Berdasarkan fakta kes adalah jelas kemalangan yang telah menimpa responden tidak termaktub di bawah takrif 'bencana kerja' di bawah s 24(1)(a) Akta itu kerana tempat permulaan perjalanan itu bukan dari tempat kediaman atau tempat tinggal responden tetapi tempat permulaan perjalanan adalah dari pasar di pekan Bentong menuju ke rumah beliau.
>
> [14] JRKS terkhilaf apabila memutuskan bahawa perjalanan itu termasuk di bawah takrif 'bencana kerja' kerana ianya merupakan rutin harian responden. Aktiviti rutin harian tidak diperuntukkan di bawah Akta itu, justeru aktiviti rutin harian tidak relevan untuk menjadi asas kepada JRKS membenarkan permohonan responden.
>
> [15] Perjalanan responden sewaktu kemalangan tersebut juga tidak terjatuh di bawah takrif 'bencana kerja' di bawah s 24(1)(a) Akta itu kerana perjalanan tersebut adalah dari pasar ke rumahnya dan bukan dari rumah responden ke tempat kerja, *Ketua Pengarah Keselamatan Sosial v Jusoh bin Abu Bakar* [2002] MLJU 612; [2003] 1 CLJ 383, *Ketua Pengarah Keselamatan Sosial lwn Yazmin bt Mohd Sulaiman* [2018] MLJU 282; [2018] 8 CLJ 203; [2018] 1 LNS 238.

Mahkamah bersetuju dengan hujah ini dan kes yang dirujuk oleh responden. Perayu semasa kemalangan bukanlah di dalam perjalanan antara tempat kerja dan rumah atau sebaliknya. Pematuhan kepada hendak di bawah bawah s 24(1)(a) adalah meliputi perjalanan yang khusus, iaitu dari rumah ke tempat kerja atau sebaliknya.

Sama ada perjalanan perayu langsung berkaitan dengan penggajiannya dan termaktub di bawah s 24(1)(b) AKSP 1969

[12] Di dalam kes ini, berdasarkan keputusan JRKS, perayu berhujah berdasarkan fakta bahawa, tindakan perayu yang berniat untuk singgah ke rumahnya bagi mengambil dan menukar pakaian kerja adalah suatu yang berkaitan langsung dengan penggajiannya di bawah s 24(1)(b) AKSP 1969. Hujah peguam perayu yang bijaksana bahawa keputusan JRKS yang memutuskan perjalanan tersebut adalah peribadi dan bukan langsung berkaitan dengan penggajianya adalah tidak tepat dan wajar diketepikan.

[13] Perayu juga berhujah bahawa tafsiran yang liberal perlu diberikan kepada Seksyen tersebut. Manakala responden berhujah pentafsiran yang ketat harus diberikan. Responden mengguna pakai kes: *All Malayan Estates Staff Union v Rajasegaran & Ors* [2006] 6 MLJ 97 (TAB 8 IAR) di mana ia telah diputuskan bahawa:

> In summarising the principles governing the application of the purposive approach to interpretation, *Craies on Legislation* (8th Ed) says at p 566:
>
> (1) Legislation is always to be understood first in accordance with its plain meaning.
>
> (2) Where the plain meaning is in doubt, the courts will start the process of construction by attempting to discover, from the provisions enacted, the broad purpose of the legislation.
>
> (3) Where a particular reading would advance the purpose identified, and would do no violence to the plain meaning of the provisions enacted, the courts wi ll be prepared to adopt that reading.
>
> (4) Where a particular reading would advance the purpose identified but would strain the plain meaning of the provisions enacted, the result will depend on the context and, in particular, on a balance of the clarity of the purpose identified and the degree of strain on the language.
>
> (5) Where the courts conclude that the underlying purpose of the legislation is insufficiently plain, or cannot be advanced without any unacceptable degree of violence to the language used, they will be obliged, however regretfully in the circumstances of a particular case, to leave to the legislature the task of extending or modifying the legislation.

[14] Peguam perayu yang bijaksana berhujah bahawa pendekatan di dalam menafsirkan peruntukan AKSP 1969 hendaklah dengan tidak terlalu ketat sepertimana digariskan dalam kes *Golden Hope Plantations (Peninsular) Sdn Bhd (Ladang Sungei Senarut) v Saraswathy a/p Kathan* [2009] 1 MLJ 611; [2009] 3 CLJ 335; [2008] 1 LNS 478 seperti berikut:

[17] The question for determination in the instant appeal calls for an examination and interpretation of the Employment Act 1955 and the SOCSO Act. Both these Acts come within the category of social legislation.

[18] In *Sundaram*, Wan Suleiman J (later SCJ) at p 84 note that the Employment Ordinance (now Act) 1955 is a public Act passed in favour of the workers to compel their employers to do certain things for their protection and benefit.

[19] In *Barat Estates Sdn Bhd*, at p 115 Gopal Sri Ram JCA:

(1) observed that the Employment Act 1955 contains provisions 238 [2012] 1 ILR Industrial Law Reports that are designed to afford protection to an employee under a contract of service and is designed to afford a degree of security of tenure that is not available to a servant at common law. The Act is a piece of beneficent social legislation; its provisions must, in accordance with wellsettled principles, receive a broad and liberal interpretation that enhances its avowed object. It is what Lord Simon in *Stock v Frank Jones (Tipton) Ltd* [1978] 1 WLR 231, 236 referred to as 'functional construction of a statute';

(2) referred to *Hoh Kiang Ngan v Mahkamah Perusahaan Malaysia & Anor* [1995] 3 MLJ 369; [1996] 4 CLJ 687 (FC), where the Federal Court considered another piece of beneficent social legislation, the Industrial Relations Act 1967, and applied the dictum of Bhagwati J in *Workmen of Indian Standards Institution v Management of Indian Standards Institution* [1976] 1 LLJ 36 at p 43 to the effect that in interpreting this type of legislation, we must place such an interpretation as would advance the object and purpose of the legislation and give full meaning and effect to it in order to achieve its avowed social objective; and

(3) applied s 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967, requiring the adoption of a purposive approach to the construction of statutes, in the following words: In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.

[20] In the circumstances, I shall embark upon the interpretation of the social legislation enacted in the Employment Act 1955 and the SOCSO Act in the light of the above trite principles.

[15] Dalam kes *Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial v Mohd Zaili bin Ali* [2004] 1 MLJ 283; [2003] 4 CLJ 165 yang menggunakan kaedah liberal dalam menafsirkan peruntukan s 24(2) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan menyatakan seperti berikut:

To appreciate the scope of s 24(2) of the ESSA 1969 one must be able to appreciate the elementary principle of economics that in the small and medium enterprise, labour (in the present context, the worker) constitutes an important factor of production. Unlike the entrepreneur (in the present context, the employer) who takes profits for his enterprise, the worker takes remuneration for work performed.

A His resource must necessarily be limited by the pay he takes home. His well-being while being employed has to a limited extent to be provided for by legislation. Hence the ESSA [2012] 1 ILR 239 *Muhammad Fandy Rohizat lwn Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial* 1969 which provides under s 24(1) a liberal insurance coverage in respect of injuries sustained by the worker in the course of his B employment. It follows therefore the exclusionary provision under s 24(2) of the Act must be subjected to the purposive construction that it deserves in line with the objective to provide the worker with the widest possible insurance coverage of his welfare to ensure continuity of production. If one were to apply the literal meaning to the words 'interruption of or deviation from the insured person's journey' appearing in s 24(2), a worker would be disqualified from making any claim even if C he has to attend to the call of nature some distance from the highway in the course of his journey as he would then be guilty of having interrupted or deviated from his journey an absurdity that could not have been intended by the legislature.

D **[16]** Pada masa yang sama, mahkamah ini juga menilai kes *Wong Yew Loy v Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial* [2009] MLJU 1264; [2010] 5 CLJ 467 yang menyatakan seperti berikut:

Finally, as much as the Act is a social legislation, one must not lose sight that the object of the Act is 'to provide social security in certain contingencies' as E circumscribed in the legislation.

DAPATAN MAHKAMAH

F **[17]** Dalam kes ini, ternyata bahawa perayu semasa kemalangan adalah dalam perjalanan ke tempat kerja. Namun, fakta bahawa beliau ketika kemalangan bukan daripada tempat kerja ke rumah atau dari rumah ke tempat kerja. Tetapi perjalanan adalah daripada hospital dan bukan daripada rumah beliau. Pada masa itu beliau belum menjalankan tugas beliau lagi. Namun, memandangkan semasa itu, beliau disahkan oleh majikan bahawa mendapat G kebenaran untuk cuti separuh hari, maka tidak timbul beliau tidak dilindungi ketika itu.

[18] Berdasarkan fakta, yang perlu dilihat sama ada, tindakan singgah di rumah dalam perjalanan ke tempat kerja untuk mengambil baju merupakan H 'langsung berkaitan dengan penggajiannya'. Mahkamah ini juga telah merujuk kepada tafsiran yang diberikan oleh *Johari bin Saimon lwn Ketua Pengarah Perkeso* [2007] MLJU 786; [2007] 1 LNS 613, mahkamah telah menggunakan *ujian kemunasabahan* bersama-sama dengan ujian ekonomi yang digunakan dalam *Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial v Mohd* I *Zaili bin Ali* [2004] 1 MLJ 283; [2003] 4 CLJ 165 dan menyatakan seperti berikut:

... saya mendapati 'ujian aktiviti ekonomi' sahaja tidak tepat. Bagaimana jika pekerja itu melencong ke tempat hiburan untuk berhibur, adakah ia masih dilindungi? Keadaan berbeza jika di dalam kes ini, perayu diminta/diarahkan oleh

majikan untuk menghantar Dasuki untuk membaiki motosikal beliau. Saya bersetuju dengan keputusan kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Lee Pin Khoon* (Mahkamah Tinggi Pulau Pinang 16 May 2002), yang menggunakan ujian 'arising out of and in the course of his employment'. *Mengenai s 24(2) AKSP 'interruption from or deviation from the insured person's journey', ujian 'reasonableness' perlu dipakai. Faktor munasabah tertakluk kepada 'reasonable man test' iaitu sama ada 'interruption/deviation' tersebut merupakan 'reasonable interruption/deviation' …*

[19] Dalam menentukan sama ada ujian faktor munasabah tertakluk kepada 'reasonable man test' iaitu sama ada 'interruption/deviation' tersebut merupakan 'reasonable interruption/deviation', fakta kes ini harus dinilai secara keseluruhan. Dalam kes ini 'reasonable interruption/deviation' yang berlaku adalah kerana perayu perlu singgah bagi mendapatkan pakaian kerja beliau. Peguam perayu yang bijaksana berhujah bahawa pakaian tersebut merupakan keperluan perayu dan mahkamah boleh mengambil maklum memandangkan beliau bekerja sebagai buruh sudah tentu terdapat pakaian khas yang disediakan oleh majikan beliau.

[20] Bagi tafsiran s 24(1)(b) AKSP 1969 ini, mahkamah merujuk kepada kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Tham Tian Siong* [2008] 7 MLJ 854, yang memutuskan:

From the reading of the two cases the test to be applied to determine whether the accident attracts s 24(1)(b) is that to find out what is the primary purpose of the employee's movement or travel — Is it work related or is it one where the accident would not have happened if he was not in employment (all things being equal) are some of the factors which need to be considered and need not be the only factors. In this case the Board has diligently deliberated on the issues and made a finding that the respondent was travelling on a journey which is directly connected to his employment. The learned authors of *Chambers Thesaurus* (Reprint 1995) define connected to mean affiliated, akin, allied, associate, associated, bracketed, combined, confederate, coupled, joined, linked, related, unite. And the word incidental is defined to mean accompanying, ancillary, attendant, casual, chance, concomitant, contingent, contributory, fortuitous, incident, inconsequential, inessential, irrelevant, minor, non-essential, occasional, odd, random, related, secondary, subordinate, subsidiary. It will appear the word connected necessarily means such words like 'incidental' etc which the court is entitled to construe as liberally as possible in favour of the employee. Even if it is a wrong choice of words that alone cannot be a basis of complaint unless such word is totally different in meaning.

[21] Mahkamah ini juga bersetuju dengan kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Tham Tian Siong* yang memutuskan bahawa AKSP 1969 terutamanya bertujuan untuk melindungi pekerja-pekerja dan untuk menyediakan kepada mereka faedah-faedah yang termasuk dalam skim insurans mereka. AKSP 1969 adalah undang-undang sosial yang harus ditafsir

secara liberal dan dalam kebanyakan kes ia berpihak kepada benefisiari, dengan syarat tidak ada pencabulan peruntukan-peruntukannya (lihat perenggan 9); *Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial v Mohd Zaili bin Ali* [2004] 1 MLJ 283; [2003] 4 CLJ 165 diikut.

[22] Prinsip yang sama juga telah dijelaskan dalam kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Vadivelan a/l Sandara Saigara* [2009] 1 MLJ 238; [2008] 9 CLJ 429, di mana mahkamah memutuskan bahawa:

> This social legislation protects employees of almost all private sectors against contingencies of industrial accidents or occupational disease ' arising out of and in the course of his employment' and disablement or death due to whatever cause and provides monetary assistance or benefit through the Act of the compulsory social insurance scheme and this court or SOCSO itself should not frustrate or deprive insured or their dependants of their benefit by giving a narrow or restrictive interpretation of s 24 of the Act unless there is evidence of any kind of fraudulent claims which was not the case in this instant appeal. The board must be given the liberty to give a liberal interpretation to s 24 of the Act to do justice (para 30).

[23] Berdasarkan kepada fakta yang dikemukakan oleh perayu semasa perbicaraan tiada wujud sebarang penipuan fakta. Apa yang terdapat adalah percanggahan fakta yang biasa seperti sama ada pada masa itu perayu sebenarnya 'melawat atau menghantar isteri ke hospital, sama ada perayu hendak mengambil baju atau menukar baju' tidak menjejaskan fakta utama iaitu ketika kemalangan berlaku beliau berniat singgah untuk mendapatkan pakaian kerja sebelum ke tempat kerja. Tidak wujud sebarang penipuan fakta.

[24] Keputusan dalam kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Rajaparameswari a/p Marimuthu* [2004] MLJU 494; [2004] 4 CLJ 528 dan *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Jusoh bin Abu Bakar* [2002] 7 MLJ 17; [2003] 1 CLJ 383 adalah dibezakan dan tidak diikuti kerana kes-kes tersebut diputuskan berdasarkan kepada rujukan s 24(1)(a) AKSP 1969, manakala kes kita sekarang adalah khusus bagi tafsiran bawah s 24(1)(b) AKSP 1969.

[25] Sebaliknya, apabila memutuskan bahawa kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Rajaparameswari a/p Marimuthu* [2004] MLJU 494; [2004] 4 CLJ 528 dan *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Jusoh bin Abu Bakar* [2002] 7 MLJ 17; [2003] 1 CLJ 383 tidak terpakai kerana rujukan bawah AKSP 1969 yang berbeza, mahkamah ini telah merujuk kepada prinsip dalam kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Vadivelan a/l Sandara Saigara)* yang menyatakan dengan jelas bahawa:

> Be that as it may, this court is not concerned or moved by any other consideration other than determining the issue revolved strictly and within the provision of s 24 of the Act and the law and that there must always be judicial fairness. Fairness is a

flexible concept whose content is dependent on the factual situation which is under consideration as in the instant appeal. In the instant appeal, what is fair in relation to a particular process and to a particular situation which is the subject matter to that process is a matter entirely for the determination of the appellate board (see *R v Monopolies & Mergers Commission Ex Parte Elders Ltd* [1987] 1 All ER 451 at pp 461–462). *In the instant appeal, it is worth reminding ourselves that in defining or interpreting the particular provision of s 24 of the Act, the test is not absolute and this court has to come to a fair and reasonable decision based on the materials. There must be room for a flexible approach and a liberal interpretation to s 24(1) of the Act depending on the facts and circumstances of each case so as to produce a sensible meaning which will give a practical and meaningful effect and not to be practically unjust.*

Mahkamah bersetuju dengan prinsip dalam kes ini dan menguna pakainya dalam kes di hadapan mahkamah sekarang.

Ini adalah selaras dengan prinsip Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kuppusamy v Golden Hope Rubber Estate Ltd* [1965] 1 MLJ 178. Dalam kes tersebut, fakta ringkas kes ini adalah tersirat dalam kenyataan seperti berikut:

... finding that she had provided herself with the wrong tool for her appointed labourers, she returned to her house without the permission of anyone in a supervisory capacity. This was against the rules of the estate. At her home she fell down and sustained injury from which she died.

Di dalam *Kuppusamy*, di peringkat Mahkamah Tinggi, telah memutuskan bahawa kemalangan yang menimpa si mati tidak berlaku dalam tempoh masa pekerjaan. Namun mahkamah memutuskan:

Although the deceased was doing something she was forbidden to do the act was for the purpose of and in connection with the employers trade and business and therefore the accident must be deemed to have arisen out of and in the course of her employment.

Berdasarkan keputusan-keputusan kes sedia ada, pemakaian s 24(1)(b) AKSP 1969, dengan jelas memberikan kuasa budibicara kepada mahkamah untuk memutuskan sesuatu kes berdasarkan 'fakta kes itu sendiri'. Mahkamah bersetuju bahawa, berdasarkan fakta kes, s 24(1)(b) AKSP 1969 terpakai.

Bagi s 24(1)(c) AKSP 1969 berkaitan dalam perjalanan di antara tempat kerjanya dengan tempat dia pergi makan dalam masa rehat yang dibenarkan adalah tidak relevan dengan fakta kes ini dan mahkamah tidak akan mengulasnya

[26] Mahkamah hanya menyentuh s 24(1)(a) dan (b) AKSP 1969 sahaja kerana tiada keperluan untuk perayu membuktikan kesemua elemen di bawah s 24(1) AKSP 1969 tersebut kerana ianya dibaca secara berasingan. Ini telah

dinyatakan dalam kes *Wong Yew Loy v Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial* [2009] MLJU 1264; [2010] 5 CLJ 467, iaitu:

> Learned counsel for the appellant submitted that s 24(1)(a) and (b) of the Act ought to be read together. With due respect to the learned counsel, I cannot agree and am of the view that paras (a), (b) and (c) of sub-s (1) of s 24 of the Act ought to be read disjunctively by virtue of the provision which provides that an accident happening to an insured person shall be deemed to arise out of and in the course of employment if it happens when he travels on a route listed in sub-s (1)(a) or in any of the journeys listed in sub-s (1)(b) or (1)(c) and the usage of the word 'or' after sub-s (1)(b) (see *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v Jusoh bin Abu Bakar* [2002] 7 MLJ 17; [2003] 1 AMR 665 at p 668, line 35).

[27] Untuk rekod berdasarkan kepada alasan *keputusan oleh JRKS, tiada alasan khusus menyatakan di bawah s 24(1)(a) atau (b) AKSP 1969 rayuan ini telah ditolak.* Adalah wajar JRKS untuk menyatakan dengan jelas di bawah peruntukan manakah ianya di tolak. Ini adalah penting kerana pembuktian di bawah s 24(1) AKSP 1969 ini adalah berdiri secara berasingan sepertimana diputuskan dalam kes *Wong Yew Loy v Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial*.

[28] Disebabkan terdapatnya 'percanggahan' hujahan kedua-dua pihak kerana keputusan JRKS tersebut yang tidak menyatakan secara khusus, untuk memastikan bahawa isu penolakan di bawah s 24(1)(a) atau (b) AKPS 1964 yang telah dihujahkan oleh kedua-dua pihak, mahkamah ini telah membincangkan kedua-dua peruntukan tersebut bagi keputusan ini dicapai sepertimana dalam alasan-alasan yang dinyatakan sebelum ini.

KESIMPULAN

[29] Berdasarkan kepada alasan di atas, mahkamah membenarkan rayuan dengan kos RM2,000 dibayar kepada perayu tertakluk kepada alokatur.

Rayuan dibenarkan dengan kos RM2,000 dibayar kepada perayu tertakluk kepada alokatur.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar